

CONTOH SOALAN – SOALAN PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL
SET 4/2015

- 1 Di antara berikut yang manakah BUKAN faktor yang perlu diberi perhatian**
 - A Objektif pelaburan
 - B Pelan yang paling murah
 - C Dana yang sedia ada
 - D Horizon/Prospek pelaburan
- 2 Yang manakah di antara berikut adalah BENAR mengenai penyerahan hak sijil sijil takaful keluarga?**
 - A Memindahkan semua hak dan liabiliti dari pengendali takaful kepada peserta
 - B Penyerahan hak sijil takaful keluarga tidak dibenarkan di Malaysia
 - C Pemegang serah akan mempunyai hak yang sama seperti yang dinikmati oleh penyerah hak
 - D Semua hak yang terletak di bawah sijil takaful keluarga boleh dipindahkan melalui penyerahan
- 3 Endorsemen boleh dibuat atas mana – mana sijil takaful atas sebab – sebab berikut, KECUALI**
 - A Menambah atau mengurangkan amaun ansuran atau sumbangan takaful
 - B Perubahan tempoh takaful
 - C Menyertakan manfaat tambahan
 - D Setelah sesuatu tuntutan dikemukakan
- 4 Bagaimana seorang pelabur boleh mengurangkan risiko pasaran**
 - A Dengan mempelbagaikan dana
 - B Dengan melantik pengurus dana yang berpengalaman
 - C Dengan melantik penasihat Syariah berpengalaman
 - D Melalui kajian secara berkala mengenai pelaburan oleh Jabatan Pematuhan Syariah
- 5 Yang manakah di antara berikut BUKAN jenis perlindungan Takaful Keluarga**
 - A Pelan Perlindungan Individu
 - B Pelan Perlindungan Gadai Janji
 - C Pelan Anuiti
 - D Pelan Perlindungan Harta
- 6 Dana terimbang ialah dana yang dibentuk bagi menyediakan**
 - A Pertumbuhan iaitu peningkatan modal
 - B Pendapatan yang maksimum
 - C Kombinasi peningkatan modal dan pendapatan
 - D Pelaburan harta
- 7 Kelebihan takaful adalah seperti berikut KECUALI**
 - A Bantuan kewangan kepada yang kurang bernasib baik
 - B Tanggungjawab sosial
 - C Konsep Tabarru'
 - D Manfaat hanya kepada orang Islam
- 8 Pengendali takaful boleh membuat pelaburan dalam instrumen pelaburan berikut**
 - I Sukuk
 - II Sekuriti yang diluluskan Syariah

- III Bon yang mengandungi unsur faedah
- IV Akaun pelaburan am Mudharabah

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, II dan IV
- D II, III dan IV

9 Bilakah kadar pelepasan cukai dan pelepasan biasanya diumumkan

- A Selepas pembentangan bajet tahunan oleh Menteri Kewangan
- B Selepas pembentukan kerajaan baru
- C Selepas ucapan khas sempena tahun baru oleh Perdana Menteri
- D Apabila Gabenor BNM mengeluarkan peraturan garis panduan mengenai percukaian

10 Yang manakah di antara berikut BUKAN objektif pelan takaful keluarga?

- A Menikmati kemudahan pelepasan cukai atas bayaran ansuran sumbangan takaful
- B Mewujudkan dana simpanan kekal dan berterusan
- C Menyediakan manfaat tambahan sekiranya berlaku hilang upaya kekal dan menyeluruh
- D Menubuhkan dana kebajikan negara

11 Apakah yang dimaksudkan dengan Dana Pendapatan?

- A Dana yang direka untuk menyediakan pertumbuhan iaitu peningkatan modal
- B Dana yang direka bagi menyediakan pendapatan yang maksimum
- C Dana yang direka bagi menyediakan kombinasi peningkatan modal dan pendapatan
- D Dana yang direka untuk melabur dalam sektor hartanah

12 Apakah jaminan yang diperuntukkan di bawah klausula tidak boleh dibatalkan dan terjamin diperbaharui?

- I Sumbangan tidak akan dinaikkan
 - II Tuntutan itu tidak akan ditolak
 - III Pengendali takaful tidak boleh menolak untuk memperbaharui perlindungan
 - IV Sijil itu tidak akan ditamatkan walaupun peserta tidak membayar sumbangan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV

13 Yang manakah di antara berikut adalah yang PALING sesuai dilindungi oleh Takaful?

- A Pengucupan kredit
- B Pengangguran
- C Kebakaran
- D Kerugian pelaburan

14 Yang manakah di antara berikut adalah pendekatan pengurusan risiko yang efektif

- I Pengelakan risiko
- II Pemindahan risiko
- III Pengekalan risiko
- IV Tidak menghiraukan risiko

- A I dan II
- B I dan III
- C I, II dan III

D II dan III

15 Seorang ejen takaful mewakili pengendali takaful (prinsipal) dan melakukan fungsi tugas terutamanya yang berbentuk:

- A Memberikan penjelasan mengenai ciri – ciri produk takaful kepada pelanggan
- B **Mempromosi dan memasarkan produk takaful bagi pihak prinsipal**
- C Menyediakan perkhidmatan berhubung dengan pengeluaran, pembaharuan atau penerusan kuatkuasa sijil
- D Menilai tuntutan yang dikemukakan oleh pelanggan

16 _____ adalah risiko yang melayakkan ia diberikan kadar yang lebih menarik bagi sijil takaful keluarga

- A Risiko terpilih
- B Risiko sub standard
- C Risiko yang ditolak
- D **Risiko standard**

17 Yang manakah di antara berikut BUKAN bahaya?

- A Memandu kenderaan yang diubahsuai
- B Menyediakan pemadam api dalam bangunan
- C Merokok di stesen minyak
- D **Pendawaian yang sempurna di dalam bangunan**

18 Tindakan membatalkan sijil atau menjadikan sijil jelas dibayar dan kemudiannya menguatkusakan satu sijil baru dari pengendali lain atau pengendali yang sama dikenali sebagai _____

- A Mengelirukan
- B Rebat
- C **Pembelian**
- D Penerangan

19 Aset yang dimiliki oleh Pengendali Takaful Keluarga meliputi aset berikut KECUALI

- A Pelaburan dalam sekuriti
- B Wang Tunai
- C **Pembiayaan dari Perbankan Islam**
- D Saham di badan – badan korporat

20 Yang manakah diantara kenyataan berikut adalah BENAR mengenai saham utama dan saham biasa?

- A Saham utama lebih terjamin berbanding dengan saham biasa tetapi keuntungan yang diperolehi adalah lebih rendah
- B Saham biasa adalah lebih terjamin berbanding dengan saham utama tetapi menjanjikan keuntungan yang lebih rendah
- C **Saham utama adalah lebih terjamin berbanding dengan saham biasa dan lebih menguntungkan**
- D Saham biasa adalah lebih terjamin berbanding dengan saham utama dan lebih menguntungkan

21 Secara dasarnya manfaat utama takaful semula adalah

- I Memastikan kecekapan menyebar risiko
- II Kelebihan kewangan melalui pemanfaatan
- III Kestabilan kewangan

IV Meningkat kapasiti

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

22 Rangka kerja serta operasi pengawalseliaan takaful di Malaysia dipandu oleh

- I Akta Syarikat 1965
- II Akta Takaful 1984
- III Akta Cukai Pendapatan 1967
- IV Lembaga Standard Perakaunan Malaysia (MASB)

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

23 Pengendali takaful yang melancarkan produk takaful perubatan dan kesihatan yang baru mestilah mendaftarkan sijil aktuari untuk tersebut dengan Bank Negara Malaysia sekurang – kurangnya _____ hari sebelum produk dilancarkan

- A 31
- B 30
- C 60
- D 90

24 Pengunderaitan takaful adalah proses _____

- A Membentuk produk takaful
- B Pengkelasan, pengkadar dan pemilihan risiko
- C Memasarkan produk takaful
- D Mengeluarkan sijil takaful

25 Kesemua yang dinyatakan di bawah merupakan pengkelasan risiko pengunderaitan, KECUALI

- A Standard
- B Buruk
- C Diutamakan
- D Sub – Standard

26 Yang manakah di antara dokumen berikut perlu disediakan oleh peserta ketika mengemukakan tuntutan hilang upaya kekal dan menyeluruh?

- A Laporan pengesahan perubatan yang disediakan oleh doktor yang merawat
- B Surat pengesahan dari pegawai tuntutan pengendali takaful
- C Laporan bertulis dari ejen takaful
- D Surat probet yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah

27 Apabila nilai serahan tidak ditetapkan terlebih dahulu, pengiraan nilai – nilai itu perlu mendapat pengesahan dari pihak _____

- A Kewangan
- B Aktuari
- C Pelaburan
- D Saluran pentadbiran

- 28 Bagaimana kesan dari pengkelasan semula status Shariah boleh diminimumkan?**
- A Menjalankan kajian semula secara berkala oleh Jabatan Pematuhan Syariah (SCD) dan Jawatankuasa Syariah (SC)
 - B Mempelbagaikan dana pelaburan
 - C Melantik pengurus dana yang berpengalaman
 - D Melantik penasihat Syariah yang berpengalaman
- 29 Bilakah pemilik sijil dibenarkan membuat tambahan nilai pelaburannya dibawah pelan berkaitan pelaburan?**
- A Tarikh jatuh bayaran sumbangan
 - B Tarikh ulangtahun sijil
 - C **Pada bila – bila masa**
 - D Apabila sijil telah mengumpulkan nilai tunai
- 30 Apakah jenis produk takaful yang paling sesuai untuk En Azman bagi melindungi pinjaman perumahannya sekiranya beliau meninggal dunia?**
- A Takaful Pemilik Rumah
 - B **Takaful Bertempoh Gadaijanji (MRTT)**
 - C Takaful Keluarga
 - D Takaful Kemalangan Diri
- 31 Salah satu cara untuk menilai sesuatu aset ialah melalui kaedah nilai buku yang bermaksud:**
- A Nilai buku – buku di pusat sumber pengendali takaful
 - B Nilai bagi setiap aset yang boleh dijual di pasaran terbuka
 - C Harga ketika aset berkenaan diperolehi
 - D **Nilai yang diletakkan ke atas setiap aset dalam buku akaun pengendali takaful**
- 32 Takaful Keluarga mengandungi maklumat – maklumat berikut KECUALI**
- A **Amaun tuntutan yang telah dibayar**
 - B Keterangan mengenai perlindungan
 - C Syarat – syarat sijil
 - D Pengecualian
- 33 Apakah yang dimaksudkan dengan surplus/lebihan dana**
- A **Perbezaan diantara nilai aset dengan nilai liabiliti**
 - B Keuntungan dana risiko
 - C Perbezaan di antara pendapatan dan perbelanjaan dana risiko
 - D Perbezaan nilai pada awal tahun dan penghujung tahun
- 34 Yang manakah diantara kenyataan berikut adalah BENAR mengenai pulangan dan risiko dana yang hanya dilaburkan dalam saham biasa**
- A Turun naik pasaran yang rendah tetapi potensi pulangan adalah tinggi
 - B **Turun naik pasaran adalah tinggi dan potensi pulangan juga adalah tinggi**
 - C Turun naik pasaran adalah tinggi dengan potensi pulangan yang rendah
 - D Turun naik pasaran adalah rendah dan potensi pulangan juga adalah rendah
- 35 Sesuatu tuntutan boleh timbul disebabkan oleh wujudnya keadaan – keadaan berikut KECUALI**
- A **Kematian waris**
 - B Sijil matang

- C Penyakit
- D Hilang Upaya

36 Perantaraan Kewangan (FMB) telah di tubuhkan untuk:

- A Menetapkan polisi harga secara umum
- B **Membantu pengguna menyelesaikan sebarang pertikaian dengan institusi kewangan**
- C Membuat keputusan kredit (kebenaran, penolakan dan menjadual semula pinjaman)
- D Mendakwa kes penipuan

37 Operator takaful perlu pengurusan tiga dana yang berbeza iaitu:

- I Dana Perbelanjaan Pengurusan
 - II Dana Takaful Keluarga
 - III Dana Takaful Am
 - IV Dana Pemegang Saham
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

38 Bank Negara Malaysia tidak mengeluarkan lesen kepada _____

- A **Ejen**
- B Broker
- C Penyelaras kerugian
- D Pengendali takaful

39 Manakah pernyataan yang berikut menjelaskan akad dengan TEPAT?

- A Pihak – pihak yang terlibat dalam kontrak
- B **Hubungan yang sah disisi undang – undang yang tercipta melalui ikatan dua pengisyntihar dan wujud kes**
- C Perkara pokok sesuatu kontrak
- D Balasan sesuatu kontrak

40 Yang manakah antara pilihan berikut BUKAN ciri – ciri kepentingan boleh Takaful?

- A Risiko yang mempunyai nilai kewangan
- B Risiko pendedahan yang sama
- C **Risiko spekulasi**
- D Risiko kerugian tidak dijangka

41 Bentuk insurans kerjasama yang boleh diterima berdasarkan konsep berikut:

- I Taawun
 - II Tabarru'
 - III Mudharabah
 - IV Wakalah
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D I, II, III dan IV

42 Ejen yang melakukan promosi dan pemasaran perlu menguasai aktiviti – aktiviti berikut KECUALI

- A Penetapan harga
- B Pengetahuan produk
- C Pengetahuan pasaran
- D Teknik pemasaran

43 Yang manakah di antara berikut adalah contoh risiko tulen

- A Ah Chong memenangi RM20,000 daripada tiket loteri
- B Samy kehilangan pelaburan saham pada tahun lepas
- C Pendapatan Ali berkurangan sebanyak RM1,000 disebabkan oleh hilang upaya
- D Pulangan operasi Syarikat ABC menunjukkan kerugian RM250,000

44 Di bawah pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan had sepanjang hayat merujuk kepada:

- A Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta bagi setiap hilang upaya iaitu untuk setiap kemasukan ke hospital
- B Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta mengikut bilangan hari ia dimasukkan ke hospital
- C Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta sepanjang hayatnya
- D Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta dalam mana – mana tahun sijil

45 Antara had bayaran yang dikenakan di bawah Takaful Perubatan dan Kesihatan adalah:

- I Had Setiap Hilang Upaya
 - II Had Tahunan Keseluruhan
 - III Had Sepanjang Hayat Keseluruhan
 - IV Had Bulanan
-
- A I dan II
 - B I,II dan III
 - C II dan III
 - D Semua di atas

46 Peraturan cukai kini membenarkan pemastautin Malaysia yang dikenakan cukai individu mendapat potongan ke insurans/takaful perubatan dan atau pendidikan sehingga maksimum

- A RM5,000
- B RM2,500
- C RM3,000
- D RM5,000

47 Semangat Takaful menekankan

- A Sikap mementingkan diri
- B Berkongsi tanggungjawab dan bantuan bersama di kalangan peserta
- C Keuntungan atas mana – mana kejadian yang tidak diingini yang menimpa peserta
- D Kewajipan kepada peserta dan bukan peserta

48 Yang manakah di antara faktor berikut yang TIDAK mempengaruhi pengunderaitan Takaful Perubatan dan Kesihatan?

- A Kesihatan sekarang dan masa lampau
- B Sejarah perubatan
- C Sejarah keluarga mertua
- D Pekerjaan

49 Kontrak _____ adalah dimana apabila seseorang diletakkan kembali kepada keadaan kewangan seperti sebelum kerugian berlaku.

- A Nilai tunai sebenar
- B Pengambilkiraan
- C Sumbangan
- D Indemniti

50 Perniagaan insurans konvensional boleh dibahagikan kepada beberapa kategori berikut KECUALI

- A Takaful Keluarga dan Am
- B Takaful Hayat dan Perubatan
- C Takaful Hayat dan Am
- D Takaful bukan Kenderaan dan Harta

51 Pelan ini memberi perlindungan terhadap apa – apa penyakit tertentu yang kritikal. Apabila didiagnoskan dengan sebarang penyakit kritikal yang dinyatakan pelan itu akan membayar manfaat sekaligus. Nama pelan ini adalah:

- A Takaful Perubatan Utama Lebihan
- B **Takaful Penyakit Kritikal**
- C Takaful Perbelanjaan Perubatan
- D Takaful Perubatan Utama Komprehensif

52 Apakah yang perlu dilakukan oleh seorang ketika membuat tuntutan

- A Untuk memberitahu pengendali takaful secara bertulis dalam tempoh bersetujuan setelah kerugian berlaku
- B Untuk menulis kepada Pentadbir Pihak Ketiga memaklumkan tentang tuntutan
- C Untuk menulis kepada pihak hospital bagi mendapatkan laporan perubatan
- D Untuk memberitahu Persatuan Takaful Malaysia (MTA)

53 Pelan asas Takaful Perubatan dan Kesihatan biasanya menawarkan perlindungan berdasarkan pembaharuan _____

- A Setengah tahun
- B **Tahunan**
- C Bulanan
- D Setiap tiga bulan

54 Model perniagaan takaful yang manakah BUKAN suatu model yang di amalkan oleh sebuah operator takaful?

- A Model wakaf
- B Model wakalah
- C Model mudarabah
- D **Model murabahah**

55 Yang manakah di antara berikut adalah BENAR mengenai penyerahan hak sijil takaful keluarga?

- A Memindahkan semua hak dan liabiliti dari pengendali takaful kepada peserta
- B Penyerahan hak sijil takaful keluarga tidak dibenarkan di Malaysia
- C **Pemegang serah akan mempunyai hak yang sama seperti yang dinikmati oleh penyerah hak**
- D Semua hak yang terletak di bawah sijil takaful keluarga boleh dipindahkan melalui penyerahan hak kecuali hak di sisi undang – undang

56 Siapakah yang menerima manfaat sijil dibawah pelan Takaful Keluarga

- A Rakan peserta
 - B Peserta atau waris yang sah/benefisiari
 - C Saudara mara peserta
 - D Anak saudara peserta
- 57 Di bawah Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan, yang manakah di antara dana berikut memberikan pulangan yang paling rendah?
- A Dana tunai
 - B Dana terurus
 - C Dana terimbang
 - D Dana ekuiti
- 58 Apakah yang dimaksudkan dengan derivatif?
- A Ia adalah harta pelaburan yang menawarkan peningkatan modal yang tinggi dan aliran pendapatan tetap
 - B Ia adalah dana yang diuruskan oleh pengurus dana profesional
 - C Ia adalah saham utama yang memberikan hak kepada pemegang saham untuk menentukan kadar dividen yang diperuntukkan
 - D Ia adalah satu instrumen kewangan dimana nilainya berkait rapat dengan harga sebenar instrumen berkeraan di pasaran tunai
- 59 Penilaian aktuari untuk Pengendali Takaful Keluarga biasanya dilakukan atas beberapa sebab yang dinyatakan di bawah, KECUALI
- A Untuk menentukan samada Pengendali Takaful dan kesemua dana yang diurus olehnya berada dalam keadaan solven
 - B Untuk menentukan amaun surplus sekiranya ada, untuk dikongsi bersama dan diagihkan kepada Pengendali Takaful dan ejen – ejennya.
 - C Untuk menentukan samada perlu Pengendali Takaful memperkenalkan beberapa perubahan yang difikirkan wajar
 - D Untuk menguji skala sumbangan sedia ada adalah mencukupi
- 60 Di antara berikut yang manakah dianggap sebagai kualiti ejen yang baik?
- I Bijak
 - II Boleh dipercayai
 - III Jujur
 - IV Kedekut
- A I dan II
 - B I,II dan III
 - C I, II dan IV
 - D Semua di atas
- 61 Di bawah Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan, pemilik sijil boleh menjual kesemua unit pelaburannya pada bila – bila masa dan ia dikenali sebagai:
- A Serahan
 - B Tambah nilai
 - C Pengeluaran sebahagian
 - D Luput
- 62 Yang manakah di antara pernyataan berikut adalah BENAR mengenai tahap cukai dan pengecualian yang dikenakan atas pelan takaful berkaitan pelaburan?
- A Ia dinilai dua kali setahun oleh Menteri Kewangan
 - B Ia dinilai setiap suku tahun oleh pihak Bank

- C Jualan unit dalam pelan takaful berkaitan pelaburan hendaklah dikenakan cukai kerana ia adalah pendapatan daripada modal
- D **Ia dicadangkan oleh Menteri Kewangan dalam bajet tahunan dan dimasukkan dalam Akta Kewangan bagi tahun berkenaan**

63 Yang manakah diantara berikut **BUKAN** objektif lazim pelaburan individu?

- A Simpanan
- B Pendapatan
- C Pertumbuhan Jangka Panjang
- D **Spekulasi**

64 Prinsip – prinsip berikut kerap digunakan untuk menentukan umur seseorang individu, **KECUALI**

- A Umur harijadi yang lepas
- B Umur harijadi akan dating
- C Umur harijadi terhampir
- D **Umur purata**

65 Bagaimana risiko kadar keuntungan boleh menjelaskan prestasi pelaburan dana takaful berkaitan pelaburan?

- A Perubahan dalam pulangan akan memberi kesan kepada harga unit aset yang menjadi sandaran
- B Perubahan dalam status kepatuhan Syariah
- C Pelanggaran pematuhan oleh Pengendali Takaful
- D Keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman

66 En Osman memiliki sijil takaful keluarga bertempoh yang telah berkuatkuasa selama 7 tahun. Tarikh jatuh bayaran sumbangan tahunan ialah pada 7 Februari 1987, tetapi En Osman hanya membayarnya pada 6 April 1987. Amaun sumbangan yang perlu dibayar ialah_____

- A Amaun sumbangan yang sepatutnya dibayar untuk tempoh 7 Februari sehingga 5 April 1987
- B **Amaun sumbangan yang sepatutnya dibayar pada 7 Februari 1987**
- C Amaun sumbangan tahunan dan yuran penguatkuasaan semula sebanyak RM200
- D Amaun sumbangan tahunan berserta faedah untuk tempoh 7 Mac hingga 5 April 1987

67 Aset milik pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful keluarga meliputi aset – aset berikut, **KECUALI**:

- A Bangunan dan premis
- B Kereta dan kelengkapan pejabat
- C Wang tunai di tangan
- D **Bonus yang di jamin**

68 Yang manakah di antara ciri – ciri berikut perlu dimiliki oleh ejen takaful bagi membolehkan mereka memberikan perkhidmatan yang cekap kepada pelanggan?

- I Berpengetahuan
- II Beradab
- III Kepantasan
- IV Ketepatan

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D **Kesemua di atas**

69 Yang manakah diantara berikut BUKAN fungsi tugas syarikat takaful yang berorientasikan pemasaran?

- A Promosi
- B Penetapan Harga
- C Pemasaran kepada pelanggan
- D Pemilihan saluran pengedaran

70 Sumbangan takaful dikira berdasarkan dari pelbagai faktor. Antara prinsip – prinsip utamanya ialah:

- I Kemortalan
 - II Perbelanjaan
 - III Kadar pulangan pelaburan
 - IV Cukai
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D I, II, III dan IV

71 Apakah yang dimaksudkan dengan risiko kegagalan kredit dalam konteks pelaburan?

- A Risiko menanggung kerugian akibat kegagalan membuat bayaran balik kos pembiayaan
- B Risiko bahawa sekuriti/instrumen yang dilaburkan tidak boleh dijual dengan segera untuk ditukar kepada nilai tunai
- C Mudahruapan dalam kadar pertukaran wang
- D Risiko yang timbul disebabkan kemungkinan berlakunya semakan status aset secara berkala dan mendapati aset patuh Syariah

72 En Azim berkecenderungan ke arah risiko dan pulangan yang seimbang. Jenis dana berkaitan pelaburan apakah yang sesuai baginya?

- A Kepelbagaian portfolio spekulasi
- B Pulangan pelaburan yang terjamin
- C Kepelbagaian portfolio pelaburan
- D Pulangan pelaburan yang tinggi

73 Sekiranya sijil takaful hilang dari simpanan pengendali takaful akan mengeluarkan sijil gantian dimana sijil berkenaan akan dicop sebagai _____

- A Sijil baru
- B Sijil pendua
- C Sijil asal
- D Sijil tidak sepadan

74 Mengapakah bayaran minimum sumbangan tunggal ditetapkan pada kadar RM3,000?

- A Untuk memastikan tahap yang dianggap wajar keatas perbelanjaan pelaburan untuk faedah dan kebaikan peserta
- B Untuk memastikan bayaran komisen yang maksimum untuk ejen
- C Untuk memastikan saiz dana yang mencukupi bagi pengendali takaful
- D Untuk memaksimumkan yuran wakalah untuk operasi perniagaan takaful

75 Peranan dan sokongan ejen terhadap pemegang sijil dalam aspek kewangan meliputi perkara – perkara berikut:

- A Membantu peserta yang mengalami kerugian harta

- B Meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh ahli keluarga si mati
- C Menggalakkan sikap dan amalan menyimpan wang
- D **Kesemua di atas**

76 Merujuk kepada perspektif pelaburan, apakah tempoh masa yang paling sesuai untuk dana jangka pendek?

- A 3 hingga 10 tahun
- B 10 hingga 15 tahun
- C **Kurang dari 3 tahun**
- D 25 tahun

77 Secara amnya, perlindungan takaful keluarga boleh disertai oleh _____

- A Individu sahaja
- B Kumpulan sahaja
- C **Individu dan kumpulan**
- D Kanak – kanak sahaja

78 Semua kenyataan yang dinyatakan dibawah adalah benar, KECUALI:

- A Wang tunai boleh dianggap sebagai pelaburan
- B Nilai modal atas wang tunai tidak akan meningkat dan tidak akan menjana pendapatan tambahan dengan sendirinya
- C **Deposit tunai adalah instrumen kecairan yang berisiko rendah atau tiada risiko walaupun amaun modal yang dilaburkan mengalami kerugian**
- D Instrumen tunai termasuklah Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Akaun Bank

79 Dokumen – dokumen berikut diperlukan dalam tuntutan hilang upaya kekal dan menyeluruh akibat kemalangan, KECUALI

- A Borang cadangan yang telah lengkap iisi
- B Salinan laporan polis yang diakui sah
- C Pengesahan perubatan dari doktor yang merawat
- D **Sijil kematian**

80 Dalam pengunderitan borang cadangan seseorang yang mempunyai berat badan berlebihan (obesiti) hendaklah dinilai dengan lebih teliti kerana beliau antara individu yang berkemungkinan untuk mengalami penyakit – penyakit KECUALI:

- A Penyakit Jantung
- B Penyakit Darah Tinggi
- C Penyakit Kencing Manis
- D **Demam**

81 Sesuatu tuntutan takaful keluarga boleh timbul disebabkan oleh wujudnya keadaan – keadaan berikut KECUALI

- A Kematian benefisiari
- B Sijil matang
- C Penghospitalan ke atas orang yang dilindungi
- D Hilang upaya ke atas orang yang dilindungi

82 Berapakah had umur minimum sebagai seorang pemilik sijil takaful?

- A 21 tahun
- B **18 tahun**
- C 14 hari
- D 15 tahun

83 Sijil Takaful Keluarga mengandungi maklumat – maklumat berikut KECUALI:

- A Amaun tuntutan yang telah dibayar
- B Keterangan mengenai perlindungan
- C Syarat – syarat sijil
- D Pengecualian

84 Penyata yang diedarkan kepada setiap peserta mengenai status sijil berkaitan pelaburan mestilah mengandungi maklumat – maklumat berikut:

- I Satu ringkasan penyata kewangan yang telah diaudit mengenai dana
 - II Analisa trend perniagaan tidak kurang daripada lima (5) tahun, jika ada, mengenai pulangan pelaburan bersih dana
 - III Komposisi dan senarai pelaburan yang dipegang oleh dana sehingga pada tarikh penyata laporan
 - IV Sebarang caj yang dikenakan terhadap dana berkenaan pada tahun penyata laporan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Kesemua di atas

85 Bagaimana risiko pasaran boleh mempengaruhi prestasi atau pencapaian dana berkaitan pelaburan?

- A Risiko pasaran akan mempengaruhi pasaran keseluruhan dan oleh itu ia akan memberi kesan kepada prestasi pelaburan
- B Risiko pasaran akan mempengaruhi status Syariah keatas aset
- C Risiko pasaran akan mendorong pengendali takaful melanggar keperluan pematuhan
- D Risiko pasaran akan memberi kesan kepada keupayaan membayar balik pinjaman

86 Faktor – faktor yang mempengaruhi keputusan untuk menyimpan wang di bank termasuklah:

- I Dana tersedia untuk tujuan pelaburan
 - II Tiada denda dikenakan sekiranya membuat pengeluaran sebelum tempoh matang
 - III Pengeluaran wang ketika waktu kecemasan adalah dibenarkan
 - IV Mengikuti keadaan pasaran semasa
- A I dan II
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

87 Ahmad ingin mempunyai wang yang secukupnya untuk membeli anuiti tradisional atau anuiti berkaitan pelaburan sebelum dia bersara. Apakah pelan takaful yang boleh anda cadangkan?

- A Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan Sumbangan Tunggal
- B Pelan Persaraan Individu Berkaitan Pelaburan Sumbangan Tetap
- C Pelan Penyakit Kritis Individu Berkaitan Pelaburan Sumbangan Tetap
- D Pelan Pendidikan Individu Berkaitan Pelaburan Sumbangan Tetap

88 Pemindahan hak milik sijil kepada orang lain di bawah pelan Takaful Keluarga dikenali sebagai

- A Sijil amanah

- B Sijil perundangan
- C **Penyerahan hak**
- D Sijil percuma

89 Dokumen utama undang – undang yang mengawal cukai pendapatan di Malaysia ialah _____

- A Akta Syarikat 1965
- B Akta Insurans 1996
- C Akta Takaful 1985
- D **Akta Cukai Pendapatan 1967**

90 Di bawah Takaful Keluarga pengeluaran sebahagian boleh dibuat daripada _____

- A Dana Risiko Peserta
- B **Akaun Pelaburan Peserta**
- C Dana Pemegang Saham
- D Dana Kecemasan

91 Apakah nama proses di mana ejen membina dan menjamin hubungan dengan pelanggan?

- A Mewujudkan dan menjelaskan hubungan pelanggan – ejen
- B Mengumpulkan semua data kewangan termasuk matlamat
- C Menganalisa dan menilai status kewangan pelanggan
- D Memantau cadangan

92 Yang manakah diantara kenyataan berikut adalah BENAR mengenai pulangan pelaburan dan risiko untuk dana yang dilaburkan semata – mata di dalam pasaran ekuiti?

- A Turun naik harga yang lebih kecil dan perpotensi memberi pulangan yang tinggi
- B **Turun naik harga yang lebih besar tetapi perpotensi memberi pulangan yang tinggi**
- C Turun naik harga yang lebih besar dengan potensi pulangan yang rendah
- D Turun naik harga yang lebih kecil dengan potensi pulangan yang juga rendah

93 Apakah yang dimaksudkan dengan Dana Terurus?

- A Dana yang dilaburkan dalam portfolio hartanah dan instrumen kewangan berkaitan hartanah bagi manfaat pelaburan
- B **Dana pelaburan yang diuruskan secara profesional oleh pakar pengurusan dana yang melabur dalam pelbagai jenis pelaburan**
- C Dana yang diwujudkan dengan objektif mencapai pertumbuhan iaitu peningkatan modal
- D Dana yang diwujudkan untuk menyediakan pendapatan yang paling maksimum

94 Dana berkaitan pelaburan boleh dilaburkan dalam mana – mana instrumen kewangan termasuk dana tunai, dana pertumbuhan, dana harta tanah, dana khas dan juga dana pelbagai. Apakah yang dimaksudkan dengan dana pertumbuhan?

- A Ia dilaburkan dalam saham berisiko rendah dengan harga saham yang agak stabil
- B **Ia dilaburkan dalam pasaran saham dimana pelabur yang membeli aset jenis ini biasanya mempunyai objektif untuk mendapatkan peningkatan modal**
- C Melabur dalam pasaran saham dan ketika berlaku kemelesetan ekonomi semasa. Aset jenis ini adalah antara yang terkahir mengalami penurunan harga
- D Melabur dalam pasaran saham dan sebarang perubahan dalam harga unit adalah bergantung kepada kualiti ekuiti di mana pelaburan dibuat

95 Bagaimanakah sumbangan tahunan dikira?

- A Sumbangan dibayar pada penghujung tahun adalah berdasarkan pengalaman sebenar
- B **Sumbangan ditentukan melalui prinsip kadar kemortalan**

- C Sumbangan adalah sama seperti tahun sebelumnya
- D Sumbangan adalah sama rata untuk semua pemegang sijil

96 Yang manakah di antara berikut BUKAN faktor utama yang mempengaruhi kemortalan?

- A Umur
- B Jantina
- C Rakan – rakan**
- D Pekerjaan

97 Manakah antara pelan berikut menyediakan perlindungan terhadap penyakit terminal yang di tetapkan?

- A Takaful Perubatan Utama Lebihan
- B Takaful Penyakit Kritikal**
- C Takaful Perbelanjaan Perubatan
- D Takaful Perubatan Utama Komprehensif

98 Kenyataan berikut yang manakah menerangkan pengendali takaful berhak menolak tuntutan?

- I Kerugian yang dilaporkan tidak wujud
- II Kerugian atau kerosakan disebabkan peril yang tidak dilindungi didalam sijil takaful
- III Kerugian atau kerosakan adalah disebabkan peril yang dikecualikan
- IV Sijil takaful dalam keadaaan batal disebabkan perlanggaran syarat

- A I dan II
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D Semua di atas**

99 Bagaimana seseorang boleh yakin bahawa produk Takaful adalah patuh Syariah?

- A Produk Takaful dikaji dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful**
- B Produk Takaful telah disahkan oleh Malaysian Takaful Association
- C Wang yang diterima dilaburkan dalam produk patuh Syariah
- D Ejen Takaful akan memberi jaminan ke atas pematuhan Syariah produk

100 Tempoh masa bersesuaian untuk memberi notis kerugian di dalam tuntutan Takaful Perubatan dan Kesihatan biasanya:

- A Dalam 30 hari**
- B Dalam 45 hari
- C Dalam 60 hari
- D Dalam 90 hari